

Headline	TH unjur dana pendeposit RM50b		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Feb 2014	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	173,387
Page No	17,18	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	320 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,325
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,974



**TH unjur dana
pendeposit
RM50 bilion**

MUKA 18

TH unjur dana pendeposit RM50b

Oleh **NUR HANANI AZMAN**
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 13 Feb. - Lembaga Tabung Haji (TH) mengunjurkan jumlah dana pendeposit pada 2014 meningkat kepada RM50 bilion berbanding RM43 bilion pada tahun sebelumnya.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Ismee Ismail berkata, jumlah dana pendeposit sehingga kini telah mencecah sebanyak RM45.6 bilion dengan kira-kira 8.3 juta pendeposit.

Katanya, sasaran itu adalah relevan berikutan kepercayaan orang ramai terhadap TH yang semakin meningkat di samping trend pertumbuhan positif pada setiap ta-

hun.

"Kami juga pada tahun ini turut merancang untuk meneruskan pelan pelaburan meliputi pelbagai sektor terutamanya hartanah di dalam dan luar negara.

"Sektor hartanah sememangnya memerlukan modal besar, walau bagaimanapun ia dilihat berupaya memberikan pulangan pelaburan jangka masa panjang," katanya ketika ditemui pemberita selepas majlis perasmian Bengkel Pelan Pengurusan Risiko Rasuah TH di Kelana Jaya dekat sini hari ini.

Majlis tersebut dirasmikan oleh Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

(SPRM), Tan Sri Abu Kassim Mohamed.

Ketika ditanya tentang status pelaburan hartanah TH di United Kingdom (UK) dengan pembelian bangunan pejabat Unilever House bernilai £75.8 juta (RM406.36 juta), Ismee memberitahu, proses jual beli itu sudah selesai.

Ujarnya lagi, melalui pelaburan sedemikian, TH akan berupaya menjana keuntungan dalam bentuk sewaan.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, kos haji tidak dapat dinafikan akan mengalami kenaikan walau bagaimanapun kadar kenaikannya masih lagi belum diputuskan.

Headline	TH unjur dana pendeposit RM50b		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Feb 2014	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	173,387
Page No	17,18	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	320 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,325
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,974

